



# Usahawan Kreatif dan Inovasi dalam Keusahawanan di Malaysia



**Mohamad Haswardi Morshidi**  
Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak  
[haswardi@ikkm.edu.my](mailto:haswardi@ikkm.edu.my)



## Pengenalan

Usahawan mengikut *Kamus Dewan* merupakan individu atau kumpulan individu yang menubuhkan atau menerajui perniagaan sendiri serta mengembangkannya dari masa ke masa demi kemakmuran masyarakat dan negara. Usahawan ialah tenaga atau kualiti manusia yang bertanggungjawab membentuk dan mewujudkan usaha atau kerja dengan menggunakan faktor pengeluaran seperti tanah, modal dan buruh serta berkebolehan untuk melakukan perkara seperti mencari peluang perniagaan, mengusahakan perniagaan yang akan membawa kebaikan kepada dirinya dan orang ramai serta dapat memenuhi keperluan orang ramai.

Usahawan juga sedia membuat pembaharuan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mengambil risiko yang telah dipertimbangkan. Usahawan adalah diperlukan untuk menggerakkan sumber-sumber ekonomi untuk mempercepatkan proses pertumbuhan ekonomi. Sehubungan itu dalam mengendalikan tugas ini, usahawan perlu menggabungkan semua faktor-faktor ekonomi, mengambil risiko, mencipta, mereka bentuk, mencari peluang perniagaan dan sebagainya dengan tujuan mendapatkan keuntungan, kepuasan diri dan kemakmuran masyarakat.



# Keusahawanan di Malaysia

Di Malaysia, keusahawanan telah bermula dan wujud sejak Melaka memulakan perhubungan dengan pedagang asing lagi. Bagaimanapun apabila orang Inggeris menjajah Semenanjung Melayu, mereka telah menukar struktur masyarakat dan mengamalkan sistem pecah dan perintah. Akibatnya orang Melayu bergiat dalam bidang pentadbiran serta pertanian, manakala orang Cina menceburi dalam bidang perlombongan serta perniagaan seterusnya orang India pula telah bekerja di estet getah. Impaknya masyarakat Cina telah jauh ke hadapan daripada masyarakat Melayu dan India khususnya dalam bidang perniagaan. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan, kerajaan telah menyedari kepentingan keusahawanan kepada individu, masyarakat dan negara serta sumbangannya kepada penjana ekonomi masyarakat juga kemakmuran negara. Sejak itu, kerajaan Malaysia mula memberikan perhatian kepada keusahawanan sehinggalah hari ini.

Dasar Ekonomi Baru (1971-1990), Polisi Pembangunan Negara (1990-2000) dan Wawasan 2020 menggalakkan dan menyokong pembangunan keusahawanan di Malaysia. Kerajaan amat menggalakkan pembangunan keusahawanan dan mengiktiraf usahawan kerana usahawan merupakan penyumbang kepada pembangunan negara. Pada tahun 1995, kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Usahawan sebagai badan khusus untuk mengurus dan menggalakkan perkembangan keusahawanan di Malaysia. Kemudian pada tahun 2004, kementerian tersebut telah dikenali sebagai Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (MeCD). Namun pada tahun 2009, MeCD telah ditutup dan kebanyakan agensi yang bernaung di bawah MeCD telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Bermula 2 Julai 2018, di bawah Kerajaan baharu Malaysia, Kementerian Pembangunan Usahawan (KPUN) yang lebih dikenali sebagai MED ditubuhkan kembali. Ini merupakan satu tindakan yang sangat tepat dan harus diberikan sokongan kerana MED boleh membangunkan



budaya keusahawanan dan membantu usahawan yang sedia ada di Malaysia.

Terkini, kunci utama dalam landskap keusahawanan Malaysia dalam Dasar Keusahawanan Negara (DKN) 2030 yang dilancarkan pada 11 Julai 2019 adalah meningkatkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara dengan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), merangsang pelaburan, serta menjana peluang pekerjaan. Selain itu, keusahawanan merupakan pemangkin kepada penjana inovasi serta menjadi wadah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat dengan menyediakan peluang ekonomi kepada pelbagai lapisan masyarakat, terutamanya golongan terpinggir dan yang kurang bernasib baik dalam aspek pasaran buruh, bantuan dalam memulakan dan mengembangkan perniagaan.

Walau bagaimanapun, cabaran terbesar pihak kerajaan seluruh dunia adalah untuk beralih dari "ekonomi tradisional" kepada "ekonomi baharu".



Usahawan yang dilahirkan perlu dilengkapi dengan “kemahiran abad ke-21”, pendigitalan operasi perniagaan dan berkolaborasi dengan usahawan lain untuk terus bertahan dalam persekitaran dinamik ini. DKN ini akan menjadi *blueprint* kepada usaha untuk memastikan objektif-objektif agenda keusahawanan tercapai. Selain itu, ia penting untuk mengiktiraf keusahawanan sebagai satu strategi utama kepada pembangunan ekonomi Negara. Impak aktiviti keusahawanan di Malaysia dapat diukur melalui pelbagai aspek. Impak utama yang dapat dilihat adalah sumbangan kepada pemantapan ekonomi negara. Pada tahun 2017, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) telah mencatatkan KDNK yang lebih tinggi iaitu sebanyak 7.2% berbanding dengan 5.2% pada tahun sebelumnya, mengatasi pertumbuhan KDNK keseluruhan sebanyak 5.9%. Ini telah meningkatkan sumbangan PKS kepada KDNK keseluruhan daripada 32.2% pada tahun 2010 kepada 37.1% pada tahun 2017.

# DKN 2030

Dasar Keusahawanan Nasional  
“Negara Keusahawanan Unggul 2030”



# Keusahawanan dan Usahawan

Pada abad ke-18, keusahawanan telah mula dibincangkan oleh pakar ekonomi dan terus menarik perhatian pakar ekonomi sehingga ke abad yang berikutnya. Pada abad ke-20 pula, perkataan keusahawanan menjadi sinonim dengan perusahaan bebas. Keusahawanan merupakan proses dinamik bagi mewujudkan kekayaan. Ia adalah proses menghasilkan sesuatu yang baharu dan bernilai dengan memberikan masa dan ikhtiar serta buah fikiran yang diperlukan, menanggung risiko kewangan, psikologi dan sosial dan menjana keuntungan dalam erti kewangan, kebebasan dan kepuasan diri. Keusahawanan juga merupakan simbol kegigihan, pertumbuhan dan pencapaian dalam perniagaan serta diakui di serata dunia sebagai pemangkin pembangunan ekonomi.

Manakala, usahawan mula diiktiraf sebagai agen perubahan yang membawa idea yang kreatif dan inovatif untuk perniagaan dan membantu perniagaan berkembang dan memberikan keuntungan. Usahawan merupakan peneroka kejayaan perniagaan hari ini. Kepekaan mereka kepada peluang, ketekunan mereka untuk

melakukan inovasi dan keupayaan mereka untuk mencapai sesuatu menjadi alat mengukur perusahaan bebas. Usahawan juga seseorang yang mengurus, mentadbir dan menanggung risiko sebuah perniagaan. Selain itu, usahawan adalah pemangkin perubahan ekonomi yang melakukan pencarian yang bermakna, perancangan yang teliti dan pertimbangan yang baik dalam urusan keusahawanan.

Menariknya, usahawan merupakan seseorang yang boleh mencipta sesuatu baharu di sebalik ketidakpastian untuk mencapai keuntungan dan perkembangan dengan mengenal pasti peluang dan mengumpul sumber yang perlu. Usahawan biasanya bermula dengan idea yang ringkas dan mengumpul sumber yang perlu untuk mengubah idea tadi kepada suatu perniagaan yang boleh berdaya maju dan berterusan. Usahawan biasanya bersikap optimistik dan komited dan bekerja dengan kreatif untuk mencipta sumber baharu atau menambah baik sumber lama dengan keupayaan baharu untuk mencipta kekayaan.



SUCCESS

# Pembudayaan Keusahawanan di Malaysia

Pada masa kini, masih ramai para graduan ataupun mereka yang belum bekerja memikirkan untuk mencari pekerjaan dan makan gaji. Keadaan ini tidak harus dipersalahkan sepenuhnya kepada para graduan kerana budaya makan gaji telah sekian lama tertanam dalam kotak fikiran masyarakat. Graduan yang makan gaji di sektor kerajaan ataupun swasta, pada pandangan masyarakat telah mencukupi dan boleh mencapai kehidupan yang stabil. Namun, sejauh mana budaya makan gaji ini masih membolehkan seseorang itu menjalani kehidupan yang baik dan sempurna?

Melalui tinjauan ketika ini juga, masih ramai lagi yang bekerja dengan makan gaji masih perlu mendapatkan pendapatan yang kedua ataupun tambahan bagi menampung kekurangan pendapatan mereka yang sedia ada. Oleh yang demikian, mulai saat ini budaya keusahawanan haruslah dimulakan. Budaya keusahawanan ini sangat perlu dipupuk awal lebih-lebih lagi dengan melihat keadaan kekurangan peluang pekerjaan dalam sektor kerajaan dan swasta pada masa ini. Pertanyaan biasa apabila bertemu dengan graduan iaitu "Kerja di mana sekarang.....?" yang sentiasa bermain di bibir dalam kalangan masyarakat seharusnya perlu diubah kepada "Buat perniagaan apa sekarang.....?". Ini akan disokong dengan melihat kepada kelebihan-kelebihan menjadi usahawan berbanding bekerja makan gaji iaitu:

- i. Usahawan merupakan satu pekerjaan yang mulia**  
Islam amat memandang tinggi kepada golongan usahawan sehinggakan 9/10 atau sembilan puluh peratus (90%) sumber rezeki diperoleh melalui perniagaan. Walau bagaimanapun, usahawan hendaklah mengamalkan etika perniagaan seperti kejujuran, keadilan, amanah di samping bergantung kepada Tuhan agar perniagaan diberkati.
- ii. Lagi ramai usahawan, lagi bangsa dan negara kita kuat**  
Negara di dunia sekarang ini bergantung kepada kekuatan ekonomi sebagai penentu kekuatan sesebuah negara. Negara yang maju dan kuat biasanya mempunyai ramai usahawan kerana pendapatannya turut menyumbang kepada negara. Kesannya usahawan menjadi pemangkin kepada perubahan dan perkembangan ekonomi negara.
- iii. Menjadi usahawan banyak membantu jika mahu hidup ringkas**  
Menjadi usahawan banyak berkait rapat dengan keinginan seseorang mencari kebebasan dalam kehidupan, ringkas dan kehidupan yang diimpikan. Ini termasuklah kebebasan masa, sumber, dan fleksibiliti boleh diaplikasikan sebaik mungkin hanya sekiranya seseorang menjadi usahawan dan menjalankan perniagaan sendiri.
- iv. Menjadi usahawan membuatkan anda menyediakan peluang pekerjaan**  
Jika kita makan gaji, secara langsung kita hanya dan banyak menyumbang kepada majikan yang memberikan pekerjaan kepada kita. Sebaliknya, usahawan mampu menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat yang akan membantu dalam aktiviti perniagaan dan secara tidak langsung dapat membantu mereka dalam meningkatkan pendapatan serta mengurangkan kadar pengangguran.
- v. Lagi ramai usahawan, lebih banyak peluang untuk kita berbakti**  
Usahawan juga dapat memberi sumbangan kepada golongan yang memerlukan sebagai tanggungjawab sosial seperti menghulurkan derma kebajikan, membina prasarana, menjalankan aktiviti sosial yang dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat. Selain itu melalui jaringan dan perniagaan yang diusahakan bersama usahawan pula kita akan dapat menyediakan keperluan dan kehendak sama ada dalam bentuk produk mahupun perkhidmatan kepada masyarakat dalam skala besar. Melalui keuntungan perniagaan pula usahawan tidak lupa membayar cukai dan zakat yang akan digunakan untuk membangunkan negara dan membantu masyarakat.





# Usahawan Kreatif dan Inovasi dalam Keusahawanan

Keusahawanan dan inovasi merupakan dua perkara penting yang saling berkait dalam memacu pertumbuhan ekonomi dan transformasi negara. Negara maju meletakkan keusahawanan dan inovasi sebagai prasyarat penting untuk pertumbuhan yang mampan. Usahawan adalah individu yang kreatif tetapi tidak semua individu yang kreatif boleh menjadi usahawan. Ciri-ciri individu yang kreatif adalah seperti di bawah:

- i. Amat rendah diri dan bangga pada masa yang sama.
- ii. Berani mencuba benda baharu.
- iii. Sangat sayangkan kerja mereka tetapi sangat objektif.
- iv. Mempunyai tahap kawalan diri yang tinggi.
- v. Minda terbuka dan sanggup menerima kritikan orang lain.
- vi. Sanggup mengambil risiko.
- vii. Berpandukan matlamat, cermat dan bertimbang rasa dalam membuat keputusan.

Kreativiti merupakan prasyarat kepada inovasi. Apabila seseorang usahawan telah melalui proses kreatif dan memperoleh penyelesaian yang terbaik, langkah seterusnya adalah penggunaan, pelaksanaan dan akhirnya adalah inovasi.

Inovasi pula merupakan kunci kejayaan yang berterusan untuk organisasi perniagaan yang dibina. Perniagaan yang boleh bersaing dan menang adalah perniagaan yang akan berjaya mengembangkan produk atau sistem baharu serta mampu mengeluarkan produk secara berterusan dan bertahan lama dalam pasaran. Ini bermakna setiap organisasi, tidak kira sama ada perniagaan berasaskan keuntungan ataupun bukan keuntungan, tidak harus mudah cepat berpuas hati dengan pencapaian organisasi masing-masing. Selain itu, inovasi penghasilan suatu yang baharu boleh mengubah dan mengawal permintaan serta penawaran sesebuah pasaran. Seorang usahawan mencipta permintaan baharu dalam pasaran dengan menggabungkan semula faktor-faktor pengeluaran untuk mencipta suatu yang baharu.

Oleh itu, inovasi perlu diberikan penekanan khusus kerana ia adalah kunci untuk usahawan terus kekal dalam dunia perniagaan yang semakin sengit persaingannya di masa ini. Justeru, usahawan perlu sedar elemen kreativiti dan inovasi amat penting kerana tiga sebab, iaitu:

#### **i. Mengekalkan Daya Ketahanan Organisasi**

Kreativiti dan inovasi adalah satu kemestian agar sebuah organisasi untuk bertahan lama. Masa hadapan sesebuah organisasi itu bergantung pada kebolehan usahawan untuk mencipta produk atau perkhidmatan baharu. Dengan berbuat begitu, ia akan meningkatkan kebolehan organisasi tersebut untuk bersaing dengan pesaing. Ia juga menjadikan organisasi itu mampu bertindak pantas terhadap perubahan sekeliling. Sesebuah organisasi perniagaan itu tidak lagi perlu menantikan permintaan daripada pelanggan. Sebaliknya, ia harus sentiasa cuba mengeluarkan sesuatu yang baharu untuk memuaskan kehendak pelanggan.

#### **ii. Penggunaan Sumber Asli**

Terdapat banyak sumber asli di muka bumi ini yang mana usahawan boleh memanfaatkannya tanpa menjejaskan alam sekitar. Malah, sumber tidak wujud sehingga manusia mencari kegunaan baginya dan memberikannya nilai ekonomi melalui aspek kreativiti dan inovasi. Oleh itu, usahawan adalah orang yang bertanggungjawab mewujudkan nilai bagi setiap sumber asli untuk faedah manusia dan masyarakat berdasarkan perniagaan dijalankan.

#### **iii. Penerokaan Pasaran Baharu**

Usahawan boleh menggunakan produk atau perkhidmatan baharu untuk menerokai pasaran yang belum diceburi. Seorang usahawan yang kreatif dan inovatif akan selalu cuba menakluki pasaran baharu dengan memperkenalkan produk atau perkhidmatan baharu.

## **Penutup**

Usahawan yang hendak berjaya hendaklah menerapkan kreativiti dan inovasi di dalam organisasi perniagaan mereka di samping mengiktiraf kebolehan sendiri. Usahawan yang kreatif juga memahami dan mengetahui kebolehan diri sendiri supaya dapat menghadapi dan menyelesaikan masalah dengan cepat dan cara mudah. Selain itu, usahawan kreatif bijak merebut peluang dan menggunakan peluang tersebut dengan baik dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bermutu.

Usahawan harus lihat masalah dan peluang dari pelbagai perspektif agar perniagaan mereka akan lebih berdaya saing juga berdaya maju serta berani dan tidak takut untuk gagal dalam dunia keusahawanan yang diceburi. Sekiranya usahawan mengalami kegagalan atau kesilapan, ia merupakan motivasi untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Usahawan juga seharusnya menghayati Dasar Keusahawanan Nasional yang meletakkan Malaysia sebagai "Negara Keusahawanan" unggul menjelang tahun 2030.